A

PP

lwn.

CHEAH KIN WEI

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAINAL AZMAN ABDUL AZIZ PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-7-2007]
14 MEI 2009

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar 2525 gram heroin - Kes pembelaan - Tangkapan di lobi hotel ketika OKT sedang menarik beg mengandungi dadah - Rakaman CCTV dan Buku Daftar Penginap hotel - Sama ada perlu dikemukakan sebagai keterangan - Kegagalan mengemukakannya - Sama ada memudaratkan - Sama ada membangkitkan inferens s. 114(g)*
D *Akta Keterangan 1950 - Kes di luar keraguan munasabah - Sama ada gagal dibuktikan*

KETERANGAN: *Anggapan bertentangan - Mengedar 2525 gram heroin - Tangkapan di lobi hotel ketika OKT sedang menarik beg mengandungi*
E *dadah - Kegagalan pendakwaan mengemukakan rakaman CCTV dan Buku Daftar Penginap hotel - Sama ada memudaratkan - Sama ada membangkitkan anggapan bertentangan - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39B(1)(a)*

F Tertuduh dalam kes ini ('OKT') dituduh dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, apabila satu beg ('P9') yang ditarik oleh beliau ketika keluar dari lif di lobi Hotel Nikko, Kuala Lumpur, didapati mengandungi 2,525 gram heroin. Berdasarkan fakta yang dikemukakan di hadapannya, di akhir kes pendakwaan, yang arif
G hakim mendapati bahawa OKT mempunyai jagaan dan kawalan terhadap P9, serta mempunyai milikan *mens rea* dan pengetahuan sebenar dadah terlarang tersebut, dan atas alasan-alasan itu mendapati pendakwaan berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh dan sekaligus memanggil OKT untuk membela
H diri atas pertuduhan. Dalam pembelaannya, OKT pada asasnya mengemukakan keterangan bahawa beliau hanya ke Hotel Nikko sebagai pelawat sahaja, iaitu bagi membantu kawannya ('Tan') untuk check-out dari hotel tersebut dan seterusnya menghantarnya ke setesen bas Pudu Raya. Apapun, semasa kes pembelaan dikemukakan, berbangkit persoalan yang menunjukkan bahawa
I walaupun Buku Daftar Penginap dan rakaman CCTV hotel tersebut

boleh diperolehi oleh pendakwaan, pendakwaan bagaimanapun tidak mengemukakan kedua-dua item ini sebagai keterangan. Maka berdasarkan halkeadaan yang wujud, di akhir kes pembelaan, soalan berbangkit sama ada ketinggalan-ketinggalan oleh pendakwaan di sini telah menjejas atau memudaratkan kes pendakwaan, atau telah membangkitkan anggapan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadapnya, berakibat mahkamah tiada pilihan melainkan mendapati tiada kes di luar keraguan munasabah telah dibuktikan terhadap tertuduh dan seterusnya melepas dan membebaskan OKT dari pertuduhan.

Diputuskan (melepas dan membebaskan tertuduh di akhir kes pembelaan):

(1) Persoalan sama ada OKT benar-benar datang ke Hotel Nikko sebagai pelawat untuk membantu Tan keluar daripada hotel dan membawanya ke Pudu Raya akan terjawab jika pendakwaan boleh memanggil mana-mana pegawai resepsi hotel dan mengemukakan Buku Daftar Penginap. Malangnya, pihak pendakwaan gagal berbuat demikian dan dengan itu keterangan OKT bahawa ia datang sebagai pelawat boleh diterima oleh mahkamah. Kegagalan ini juga menyebabkan inferens di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai. (perenggan 33)

(2) Persoalan dari mana OKT datang sebelum ditangkap di lobi hotel tersebut juga boleh dijelaskan jika pihak pendakwaan mengemukakan rakaman penuh CCTV yang dirakam dan disimpan oleh pihak hotel. Semasa kes pendakwaan, SP10 ada menyatakan bahawa rakaman penuh CCTV pada hari kejadian ada dirakam dan oleh itu pendakwaan seharusnya mengemukakan rakaman penuh tersebut. Atas dasar yang sama juga mahkamah menolak penerimaan gambar-gambar (ID33) kerana rakaman penuh CCTV ada dirakamkan. (perenggan 34)

(3) Selanjutnya, persoalan sama ada Tan benar-benar wujud dapat diselesaikan jika rakaman penuh CCTV dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Apapun, dengan terdapatnya dua slip bank di dalam beg OKT menunjukkan watak Tan ini memang wujud dan bukannya rekaan (*Chan King Yu v. PP; Megat Halim Megat Omar v. PP* (diikuti)). Begitu juga, persoalan sama ada OKT benar-benar menarik P9 semasa tangkapan atau tidak akan terjawab jika rakaman penuh CCTV dikemukakan pihak pendakwaan. Kegagalan mengemukakan rakaman ini juga menyebabkan inferens di bawah s. 114(g) terpakai. (perenggan 35, 38, 39 & 40)

A **(4)** OKT telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. OKT dengan itu dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan yang dihadapinya. (perenggan 42)

Kes-kes yang dirujuk:

B *Alcontara Ambross Anthony v. PP [1996] 1 CLJ 705 FC* ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chan King Yu v. PP [2009] 1 CLJ 601 ***(diikuti)***
Gunalan Ramachandran v. PP [2004] 4 CLJ 551 CA ***(dirujuk)***
Megat Halim Megat Omar v. PP [2009] 1 CLJ 154 CA ***(diikuti)***
Ong Ah Chuan v. PP & Koh Chai Cheng v. PP [1980] 1 LNS 181 ***(dirujuk)***
C *Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC* ***(dirujuk)***
PP lwn. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Denish Madhavan [2009] 2 CLJ 209 FC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor [2002] 8 CLJ 814 HC ***(dirujuk)***
Francis Anthonysamy v. PP [2003] 1 CLJ 831 CA ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
D *PP v. Ouseng Sama-Ae [2008] 1 CLJ 337 CA* ***(dirujuk)***
PP v. Reza Mohd Shah Ahmad Shah [2010] 1 CLJ 541 FC ***(dirujuk)***
Teng Howe Sing v. PP [2009] 3 CLJ 733 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 180(1)
E Dangerous Drugs Act 1952, s. 37(da)
Evidence Act 1950, ss. 8, 9, 114(g)

Bagi pihak pendakwaan - Mohd Abazafree Mohd Abbas (Fazli Sani Mohamed Fadzil bersamanya) TPR
Bagi pihak pembelaan - Gooi Soong Seng (Tan Teck Yew bersamanya); T/n Gooi & Azura
F

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

G

Zainal Azman Abdul Aziz PK:

Pengenalan

[1] OKT, Cheah Kin Wei telah dihadapkan ke mahkamah ini
H dengan satu pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan

> Bahawa kamu pada 1/12/2004, jam lebih kurang 1.20 petang di kawasan lobi Hotel Nikko, Jalan Ampang, Dang Wangi, Kuala
I Lumpur, Wilayah Persekutuan telah mengedar dadah berbahaya iaitu 2525 gram Heroin, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] OKT tidak mengaku salah dan pohon kes dibicarakan, seramai sepuluh orang saksi pendakwaan telah tampil untuk memberikan keterangan mereka.

Kes Pendakwaan

[3] Bertindak atas maklumat yang diterima pada 1 Disember 2004, pada kira-kira jam 12 t/hari, sepasukan anggota polis daripada Jabatan Narkotik Bukit Aman telah membuat intipan dan pemerhatian di kawasan lobi Hotel Nikko, Jalan Ampang yang diketuai oleh ASP Zainozin Ishak (SP3).

[4] Pasukan serbuan telah berpecah daripada dua di mana satu pasukan mengawasi kawasan lobi lif manakala satu pasukan lagi di luar kawasan hotel. Pasukan yang mengawasi lobi lif terdiri daripada SP3, D/Kpl. Mohd Zin (SP5), L/Kpl. Abdul Halim, dan L/Kpl. Duraiyappa.

[5] Pada kira-kira jam 1.30 petang, SP3 dan pasukan telah melihat OKT berjalan keluar daripada lif di mana OKT kelihatan menarik satu beg travelling beg warna hitam (P9) ditangan kanannya. SP3 mengarahkan SP5, D/Kpl. Abdul Halim dan Duraiyappa mendekati OKT. SP3 telah menahan OKT di hadapan lif dan memperkenalkan diri sebagai pegawai polis dan membacakan kata-kata amaran dan menanyakan 'apa dalam beg?' OKT jawab 'Drug'.

[6] SP3 menyatakan keadaan beg (P9) berzip tetapi tidak berkunci dan daripada pemeriksan secara rambang SP3 mendapati lima peket bungkusan dibaluti kertas akhbar The Star. SP3 kemudiannya menutup beg dan membawa OKT ke kawasan basement tempat letak kereta hotel.

[7] Daripada pemeriksaan lanjut yang dijalankan SP3 mendapati beg tersebut mengandungi satu surat akhbar bahagian atas iaitu Sunday Star (P17) dan dibawahnya satu helai kecil kalender tahun 1995 bercop 'wild shop' (P18), lima bungkusan akhbar The Star (P11a-15a) yang mana setiap satu bercellotape plastik jernih dan di dalam setiap bungkusan ada satu ketulan mampat yang disalut dengan plastik cerah dan tape warna coklat (P11 b-15b) disyaki heroin (P10-1 hingga P10-5). Terdapat satu kotak warna kelabu jenama Hanabishi (P21) di mana di dalamnya terdapat satu dapur gas kecil (P21a), satu kotak telefon Nokia (P16) di mana di dalamnya terdapat satu tuala kecil (P16a) dan satu pengukur suhu (P16b) dan satu pisau blade hijau (P20).

[8] Hasil daripada pemeriksaan juga, OKT telah menyatakan ia datang dengan satu kereta Perdana V6 yang terletak di kawasan basement 2 Hotel Nikko dan ditemui empat batang anak kunci dan kad otomatik kepada kondominium Le Jardine, Pandan Indah. OKT, kunci, kad gate telah diserahkan kepada DSP Raja Zahudeen dan dibawa ke Balai Polis Jalan Tun Razak, manakala ekshibit yang lain diserah kepada Cif. Insp. Som Chai.

[9] Barang-barang rampasan telah dihantar kepada ahli kimia (SP2) yang mana telah menjalankan analisa dan uji kaji dan hasil daripada ujian kepada sampel perwakilan yang diambil, SP2 mengesahkan dadah tersebut adalah heroin dan berat keseluruhan adalah 2525 gram. Juga terdapat kesan heroin pada alat pengukur suhu dan dapur gas Hanabishi. Mahkamah menerima keterangan SP2 ini.

Rujuk kes: *Gunalan Ramachandran v. PP* [2004] 4 CLJ 551.

Beban Pembuktian

[10] Adalah menjadi beban ke atas pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan untuk membuktikan satu kes *prima facie* telah diasaskan terhadap OKT sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 180(1) KTJ. Langkah-langkah yang patut diambil oleh mahkamah telah diasaskan di dalam kes *PP lwn. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 dan *PP lwn. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215.

[11] Daripada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, terdapat tiga isu yang harus ditentukan iaitu:

i) Samada penyataan OKT kepada SP3 boleh diterima;

ii) Samada OKT ada 'custody and control' kepada dadah dalam beg P9;

iii) Samada elemen '*mens rea* possession' telah diasaskan.

[12] Keterangan SP3 di mahkamah menyatakan ia telah membacakan kata-kata amaran kepada OKT dan selepas itu bertanyakan 'apa dalam beg' kepada OKT dan OKT menjawab secara sepontan dalam Bahasa Inggeris 'drug'. Sewaktu SP3 memberikan keterangan (Pemeriksaan Utama), peguambela OKT yang hadir tidak langsung membantah akan keterangan SP3 ini atau memohon satu bicara dalam bicara diadakan bagi memutuskan

'voluntariness' jawapan OKT tersebut. Oleh itu, mahkamah putuskan pihak pembelaan tidak boleh menimbulkan isu ini kerana keterangan SP3 tidak langsung dicabar sewaktu itu.

[13] OKT menjawab dalam Bahasa Inggeris kepada soalan SP3 menunjukkan OKT faham dan tahu soalan tersebut dan menjawab 'drug'. Tidak ada pertanyaan dan soalan daripada OKT akan soalan daripada SP3 itu. Ini menunjukkan OKT memang tahu dan faham akan soalan SP3 dan tahu akan maksud SP3 itu. Dengan menjawab 'drug' jelas menunjukkan OKT tahu akan apa yang dibawanya dalam beg P9 pada hari kejadian.

Rujuk kes:

Francis Anthonysamy v. PP [2003] 1 CLJ 831.

PP v. Mohd Farid Mohd Sukis [2002] 8 CLJ 814.

Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717.

Teng Howe Seng lwn. PP [2009] 3 CLJ 733.

[14] Bagi menunjukkan keterangan conduct OKT, s. 8 Akta Keterangan 1950 adalah terpakai. Jelas daripada jawapan secara spontan OKT kepada soalan SP3 menunjukkan tingkah laku OKT dan menepati keperluan s. 8 dan s. 9 Akta Keterangan tersebut. Kes *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717 jelas menunjukkan keadaan di mana tingkah laku atau conduct OKT tersebut.

[15] Isu samada OKT punya 'control and custody' kepada dadah yang terdapat dalam beg P9 terjawab apabila hanya OKT yang dilihat menarik beg P9 semasa keluar daripada lif tersebut. Tiada sesiapa lain yang dilihat ada bersama-sama OKT atau turut menarik beg P9 tersebut. Hakikat beg P9 ditarik oleh OKT menggunakan tangan kanannya menunjukkan OKT ada 'control and custody' kepada beg P9 pada sepanjang waktu.

[16] Merujuk kepada kes *Pendakwa Raya v. Ouseng Sama-Ae* [2008] 1 CLJ 337 di mana Mahkamah Rayuan menyatakan antara lain:

> Untuk memastikan kes *prima facie*, pendakwaan mesti membuktikan bahawa tertuduh mempunyai milikan sebenar dadah tersebut dan bahawa tertuduh pada masa material mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai di dalam miliknya. Di atas fakta elemen pertama dengan mudah dibuktikan kerana tertuduh mempunyai milikan dan kawalan beg tersebut dan jelas dari keterangan bahawa dia mempunyai penguasaan ke atas P9 pada setiap masa material.

[17] Juga dengan mengambil kira berat dadah 2525 gram heroin adalah jauh melebihi daripada apa yang diperlukan untuk kegunaan peribadi. Mengaplikasi pendekatan dalam kes *Ong Ah Chuan v. PP & Koh Chai Cheng v. PP* [1980] 1 LNS 181, ia adalah anggapan yang adil bahawa tujuan OKT adalah untuk memberikan milikan dadah tersebut atau sebahagian daripadanya kepada seseorang yang lain sama ada dikenali olehnya atau pembeli berpotensi yang harap dapat dijumpainya.

[18] Daripada analisa keterangan pihak pendakwaan, adalah jelas OKT punya 'physical possession' kepada dadah yang terdapat dalam beg P9.

Rujuk kes: *PP lwn. Denish Madhavan* [2009] 2 CLJ 209.

[19] Jelas, daripada jawapan 'drug' OKT sememangnya tahu dan ada pengetahuan sebenar akan dadah yang berada dalam beg P9 tersebut.

[20] Di dalam kes *PP v. Reza Mohd Shah Ahmad Shah* [2010] 1 CLJ 541 Hakim Dato' Abdul Aziz Mohamad menyatakan antara lain:

> In my knowledge where possession of a dangerous drug is concerned, to prove the element of guilty knowledge or *mens rea*, the prosecution need only prove that the accused knew the nature of the particular dangerous drug that he was in possession of as a dangerous or prohibited drug. The prosecution need not also prove knowledge as to the name, type or exact qualities of the dangerous drug. "When the authorities say that for proof of possession in criminal law it is necessary to prove that the possessor knew the nature of thing possessed, they mean knowledge of what the thing essentially or basically is."
>
> Without at least general knowledge, there cannot be possession, but there can be possession without full and exact knowledge.

Keputusan Mahkamah

[21] Setelah mendengar, menilai dan menganalisa keseluruhan keterangan kes pihak pendakwaan, mahkamah berpuas hati bahawa elemen-elemen penting pertuduhan telah diasaskan dan dengan itu, wujud satu kes *prima facie* terhadap OKT, iaitu:

(a) OKT punya 'custody and control' kepada beg P9 yang mengandungi dadah.

(b) OKT punya '*mens rea* possession' kepada dadah dalam beg P9.

(c) Jawapan 'drug' oleh OKT kepada soalan SP3 diterima sebagai sukarela.

(d) Berat dadah seberat 2525 gram heroin dan dengan itu anggapan di bawah s. 37(da) ADB 1952 terpakai.

(e) Dadah heroin termaktub di bawah Jadual Pertama ADB 1952.

[22] OKT dengan itu dipanggil membela diri atas pertuduhan yang dikemukakan.

Kes Pembelaan

[23] OKT telah dipanggil membela diri atas pertuduhan pindaan di akhir kes pendakwaan setelah pihak pendakwaan berjaya mengasaskan satu kes *prima facie* terhadapnya.

[24] Bagi kes pembelaan, dua orang saksi telah dipanggil memberikan keterangan mereka iaitu SD1, OKT sendiri dan SD2 Lai Ah Kee.

[25] OKT dalam keterangannya menyatakan ia telah berjumpa dengan SD2 pada pukul 10 pagi di Jinjang untuk membincang kerja-kerja renovation. Semasa perbincangan tersebut OKT dikatakan telah menerima satu panggilan daripada Tan Peng Chui, seorang rakan yang telah dikenalinya selama dua atau tiga tahun. Tan dikatakan telah meminta pertolongan daripada OKT untuk check-out daripada Hotel Nikko dan menghantarnya ke stesen bas Pudu Raya. Tan dikatakan menginap di bilik No. 603 di Hotel Nikko pada hari kejadian tersebut. Nama Tan tercatat pada dua slip bank yang ditemui daripada beg OKT.

[26] OKT kemudiannya telah memandu kereta Proton Perdana No. daftar WJB 3038 bersama-sama dengan SD2 dan tiba jam 11.30 pagi. OKT telah meletakkan kenderaannya di tempat parking di basement Hotel Nikko. OKT bersama SD2 telah naik ke lobi hotel di mana SD2 tunggu di lobi manakala OKT naik ke tingkat 6, ke bilik 603.

[27] Di bilik 603, OKT telah bertemu dengan Tan Peng Chui dan menurut OKT, Tan membawa satu beg kecil dan satu beg traveling (P9). Mereka telah menaiki lif untuk turun ke lobi di mana Tan berada di belakang OKT sepanjang masa tersebut.

[28] Semasa pintu lif dibuka, mereka telah diserbu oleh pihak polis di mana OKT dikatakan sedang menarik beg (P9) dan apabila disoal polis, OKT menyatakan beg itu (P9) kepunyaan Tan Peng

A Chui dan bukan begnya. Seterusnya, OKT telah digari dan beg (P9) diperiksa di mana ditemui dadah berkenaan, tiket parking dan kunci kereta.

[29] Semasa disoal balas, OKT menyatakan ia telah mengenali Tan Peng Chui dua atau tiga tahun sebelum hari kejadian dan
B menyatakan ia berada di bilik 603 bagi tempoh lima ke sepuluh minit dan menafikan ia menarik beg (P9) semasa ditangkap polis.

[30] SD2, Lai Ah Kee adalah rakan OKT dan mengenalinya lebih 20 tahun. SD2 menyatakan ia ada bertemu dengan OKT pada pagi
C kejadian di Jinjang berbincang kerja-kerja renovation. Semasa pertemuan, OKT menyatakan ia hendak bertemu seorang rakan bernama 'Tan' dan SD2 mengikuti OKT ke Hotel Nikko. Semasa di Hotel Nikko, SD2 menunggu di lobi hotel manakala OKT naik ke tingkat atas. Semasa OKT turun daripada lif, SD2 nampak OKT
D ditahan oleh beberapa orang anggota polis. SD2 tidak pergi menolong OKT semasa OKT ditangkap.

[31] Pihak pembelaan telah menimbulkan beberapa isu dalam penghujahan mereka, iaitu:

E (i) Samada OKT pergi ke Hotel Nikko jam 1 petang;

(ii) Samada OKT seorang penginap di Hotel Nikko atau hanya seorang pelawat;

(iii) Daripada mana OKT datang;

F

(iv) Samada karektor Tan Peng Chui benar-benar wujud;

(v) Samada OKT yang menarik beg P9 semasa ditahan.

[32] Bagi isu (i), OKT menyatakan mereka pergi ke Hotel Nikko
G dalam pukul 1 petang dan hanya berada di bilik 603 sekitar lima ke sepuluh minit sebelum turun ke lobi menerusi lif. Mengambil kira masa tangkapan 1.20 petang, saya dapati masa ini adalah munasabah kerana OKT tidak merujuk kepada jam akan masa yang tepat ia turun ke lobi melalui lif. Oleh itu, mahkamah menerima
H kejadian tangkapan 1.20 petang sebagai masa yang munasabah.

[33] Bagi isu (ii), OKT menyatakan ia hanya datang ke Hotel Nikko sebagai pelawat untuk membantu Tan Peng Chui keluar daripada hotel dan membawanya ke Pudu Raya. Persoalan ini akan terjawab jika pihak pendakwaan boleh memanggil mana-mana
I pegawai reception hotel dan mengemukakan Buku Daftar Penginap.

Malangnya, pihak pendakwaan telah gagal berbuat demikian dan dengan itu keterangan OKT ia datang sebagai pelawat boleh diterima mahkamah. Kegagalan ini juga menyebabkan inferens di bawah s. 114(g) Akta Keterangan dipakai.

[34] Bagi (iii) iaitu daripada mana OKT datang sebelum ditangkap boleh dijelaskan jika pihak pendakwaan mengemukakan rakaman penuh CCTV yang dirakam dan disimpan oleh pihak hotel. Semasa kes pendakwaan, SP10 telah menyatakan rakaman penuh CCTV akan hari kejadian ada dirakam dan oleh itu, pihak pendakwaan seharusnya mengemukakan rakaman penuh tersebut. Atas dasar yang sama ini juga, mahkamah telah menolak penerimaan ID33 (gambar-gambar) kerana rakaman penuh CCTV ada dirakamkan dan jika rakaman ini dikemukakan, sudah tentu fakta daripada mana OKT datang boleh diketahui. Begitu juga fakta samada OKT seorang diri atau ada Tan Peng Chui bersamanya.

[35] Persoalan samada Tan Peng Chui benar-benar wujud juga dapat diselesaikan jika rakaman penuh CCTV dikemukakan oleh pihak Pendakwaan. Juga terdapatnya dua slip bank ini dalam beg OKT menunjukkan watak Tan Peng Chui wujud dan bukan rekaan.

[36] Merujuk kepada kes *Chan King Yu v. Pendakwa Raya* [2009] 1 CLJ 601:

Keputusan majoriti Mahkamah Persekutuan yang disediakan oleh YA Hakim Dato' Hashim, di mana dikatakan OKT telah memasuki bilik di Hotel Midah, Kuala Lumpur dan kemudiannya atas arahan 'Man Chai' OKT telah menukar bilik ke Hotel Nova. Semasa OKT ditahan, OKT meminta SP7 untuk tidak menutup telefonnya kerana 'Man Chai' akan menghubungi OKT akan beg plastik berkenaan. Perbuatan SP7 tidak menutup telefon menunjukkan watak 'Man Chai' wujud.

[37] Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada kes *Alcontara Ambross Anthony v. PP* [1996] 1 CLJ 705 di mana mahkamah menyatakan antara lain:

> To resume our discussion regarding the important point of misdirection as regards the burden of proof, especially the burden on the defence we must point out, with respect, that it was wrong for the Judge to have criticized the defence for having failed to put to the investigating officer, the name of Che Mat, or the latter's telephone number, or his place of abode, for the simple reason that these particulars had been disclosed in the caution statement of the appellant made the day after the arrest so that the police had all the time in the world to check their

A veracity. That being the case, the onus was on the prosecution to check on whether the accused's version of the facts, as they appeared in his cautioned statement and to which we have referred, was true or false. In other words, the onus was upon the prosecution to disprove this important part of the accused's version of facts. The defence was, therefore, under no duty to put the matters aforesaid to the
B investigating officer, having regard to their prior disclosure in the cautioned statement. In holding to the contrary the Judge had undoubtedly overlooked the material portions of the cautioned statement touching on Che Mat, reversed the onus, and placed it on the defence, so that on this further ground also, the conviction had to be quashed.
C

[38] Menerima pakai keputusan kes *Chua King Yu* tersebut, saya putuskan watak *Tan Peng Chui* wujud kerana ini telah ditimbulkan semasa kes pendakwaan lagi dan bukan satu afterthought oleh pembelaan.

D

[39] Di dalam kes *Megat Halim Megat Omar v. Pendakwa Raya* [2009] 1 CLJ 154, keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 28 Oktober 2008 mahkamah menyatakan antara lain:

Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an
E accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.

F

Raja Azalan Shah CJ (Malaya) (as His Highness then was) in *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138 puts this principle in these now famous words:

> ... there is a general rule that a failure to cross-examine a witness
G on a crucial part of the case will amount to an acceptance of a witness's testimony.

65. In our adversarial system, that principle is applicable in both civil and criminal trials.

H 66. The appellant's defence can be ascertained not merely from his own evidence but also the line of cross-examination of the prosecution's witnesses (see *Kuli & Ors v. Emperor* AIR [1930] CAL 442, cited in *PP v. Dato Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215). This has been termed as a rule of essential justice.

I

67. In *AEG Carapiet v. AY Derderian* AIR [1961] Cal 359, (also cited in the *Dato Seri Anwar*'s case), this principle was explained in this manner:

> It is wrong to think that this is merely a technical rule of evidence. It is a rule of essential justice. It serves to prevent surprise at trial and miscarriage of justice, because it gives notice to the other side of the actual case that is going to be made when the turn of the party on whose behalf the cross-examination is being made comes to give and lead evidence by producing witnesses. It has been stated on high authority of the House of Lords that this much a counsel is bound to do when cross-examination that he must put to each of his opponent's witnesses in turn, so much of his own case as concerns that particular witness or in which that witness had any share.

Oleh itu saya putuskan Tan Peng Chui bukanlah rekaan OKT tapi benar-benar wujud.

[40] Persoalan samada OKT benar-benar menarik beg (P9) semasa tangkapan atau tidak juga akan terjawab jika rakaman penuh CCTV dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Kegagalan mengemukakan rakaman CCTV juga menyebabkan inferens di bawah s. 114(g) Akta Keterangan terpakai.

Kesimpulan

[41] Adalah menjadi tugas mahkamah di akhir kes pihak pendakwaan untuk memutuskan samada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap pertuduhan yang dikemukakan terhadap OKT. Dalam membuat penilaian terhadap keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan di akhir kes pihak pendakwaan, Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP lwn. Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 telah meringkaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh mahkamah seperti yang berikut:

(i) the close of the prosecution's case, subject the evidence, led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinize the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused.

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is "Yes", then a *prima facie* case has been made out and

A the defence should be called. If the answer is "No", then, a *prima facie* case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

B

(iv) after the defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v. PP* [1963] MLJ 263.

[42] Setelah mendengar, meneliti dan menimbangkan keseluruhan kes pihak pembelaan, saya dapati dan berpuas hati keterangan saksi-
C saksi pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. OKT dengan itu dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan yang dikenakan itu.

[43] Ekshibit-ekshibit kepada pihak pendakwaan untuk disimpan
D hingga rayuan didengar.

E

F

G

H

I